

Ponteng: Punca gejala sosial pelajar

S.H 17/06/09 M154

Mereka terlibat dengan jenayah ragut, samun dan seks bebas

LAPORAN
KHAS



● Kelibat pelajar yang ponteng sekolah di sekitar Ampang pada sesi persekolahan.

AMPANG JAYA – Gejala ponteng sekolah di sekitar Ampang Jaya meruncing dan membimbangkan banyak pihak kerana menjadi faktor kepada beberapa kes sosial yang lain.

Sinar Harian dimaklumkan oleh beberapa sumber, pelajar sekolah sekitar Ampang telah berani ponteng sekolah secara terbuka dengan memakai pakaian seragam dan melepak di tempat awam seperti kedai makan, pusat hiburan dan pusat siber.

Pelajar ponteng sekolah juga menimbulkan perasaan kurang selesa kepada sesetengah pihak kerana tindakan mereka yang didakwa kurang ajar dan biadab terhadap orang awam lain, malah mengganggu ketenteraman penduduk

Haryanti Abdullah, 29, pekerja di sebuah restoran mengadu menghadapi masalah dengan pelajar ponteng sekolah ini setiap pagi apabila mereka secara berkumpulan masuk ke premis berkenaan dan menimbulkan masalah.

“Mereka semua bersembang dengan kuat tanpa menghiraukan pengunjung lain dan apabila diminta dengan elok untuk memperlakan suara, saya pula yang dimarahi.

“Mereka juga pernah membasuh tangan menggunakan air kosong minuman dari meja tempat mereka duduk sedangkan singki berada berhampiran sehingga mengotorkan lantai. Apabila ditegur mereka sungguh biadab hingga ke tahap meludah di

atas lantai sambil menengking saya kembali.

“Kami tidak mampu berbuat apa, melainkan meminta mereka meninggalkan ruang kedai dan kembali ke sekolah, tetapi dari apa yang saya lihat mereka sambung melepak di pusat hiburan atau pusat siber berhampiran pula,” katanya.

Kehadiran pelajar ini boleh dilihat secara langsung apabila melalui kawasan berhampiran sekolah, tepi jalan, bangunan terbiar dan pusat internet. Malah mereka juga kini berani melangkah ke tempat tidak sepatutnya.

Pengarah Urusan AI-Insan Consultancy, Razis Adha Ismail berkata, isu berhubung pelajar ponteng sekolah sekitar kawasan Ampang Jaya adalah satu masalah serius dan meruncing pada hari ini kerana gejala ponteng telah menular sehingga mencetuskan satu isu baru pula.

Menurutnya, pelajar yang telah diperhatikan dan disahkan sebagai ponteng bukan saja mengganggu ketenteraman orang awam malah menimbulkan gejala sosial baru seperti meragut bagi pelajar lelaki dan menggadai maruah bagi pelajar perempuan.

“Pelajar yang ponteng ini selalunya memerlukan wang untuk melepak atau dihabiskan sepanjang tempoh mereka memonteng sama ada sesi pagi atau sesi petang dan cara yang mudah untuk mendapatkan wang ialah meragut serta ‘menjual tubuh’.

“Pernah berlaku beberapa kes di

sekitar sini yang diceritakan oleh mangsa sendiri bahawa mereka diragut oleh golongan remaja yang masih bawah umur berdasarkan perwatakan mereka.

“Selalunya mereka akan membawa baju tambahan untuk ditukar apabila memonteng, tetapi tidak kira berpakaian seragam atau tidak, mereka telah berani melakukan kesalahan untuk mendapatkan wang tambahan.

“Saya juga telah menemui beberapa kes pelajar perempuan yang memberi pengakuan membenarkan lelaki menyentuh atau meraba tubuh mereka untuk mendapatkan bayaran berbentuk wang atau isian semula telefon,” katanya.

“Bayaran yang dikenakan tidak banyak, tetapi bagi mereka ia berbaloi dengan apa yang diinginkan. Hal ini telah menjadi satu gejala sosial yang berbahaya kerana masalah seperti seks murahan ini berleluasa dengan pantas bermula dari generasi persekolahan lagi,” katanya.

Razis berkata, selalunya ibu bapa tidak menyedari akan penipuan anak-anak mereka yang disangka ke sekolah tetapi sebenarnya ponteng, dan bergantung juga kepada beberapa faktor lain mendorong tekanan kepada remaja melakukan kesalahan.

“Kita bimbang dengan fenomena ponteng di kalangan pelajar sekolah ini apatah lagi kini menjadi semakin parah, seolah-olah mereka kian kreatif merancang agenda seharian mereka.

“Situasi ini juga bukan

tanggungjawab sesetengah pihak saja untuk mengambil langkah membendung dan mengatasi, tetapi semua pihak perlu segera sedar hala tuju masalah ini. Pihak yang paling berperanan sebenarnya diri sendiri untuk mengubah masa depan,” katanya mengakhiri perbualan.

Persekitaran jadi faktor

Sementara itu, menurut pandangan beberapa guru, faktor gejala ponteng berlaku disebabkan prasarana di sekitar sekolah yang berbeza mengikut tempat dan lokasi. Pelajar di kawasan bandar lebih terdedah kepada kemajuan dan peralihan budaya seperti kemasukan budaya siber serta budaya sosial yang lain, berbanding pelajar kawasan pedalaman.

Kebanyakan pusat hiburan dan pusat siber banyak dibuka sekitar kawasan sekolah mendorong pelajar untuk mengambil keputusan meninggalkan sekolah lalu menjarah ke premis berikut atas dasar ingin tahu serta berseronok.

Menurut guru berkenaan, faktor lain mendorong pelajar ponteng sekolah ialah membuka perniagaan sendiri atau membantu perniagaan keluarga hingga larut malam sehingga persekolahan terabai dan situasi ini berleluasa dalam kalangan pelajar Cina.

Katanya, peranan guru semakin berbeza berbanding guru ketika era

90an kerana kemasukan budaya luar belum menular dengan pantas ketika itu.

“Berbeza hari ini, guru harus memikul beban yang lebih berat untuk mendidik dan membentuk jati diri pelajar agar berakhlak mulia.

“Sebagai pihak guru, keterbatasan mendidik dan memantau pelajar terhad di lingkungan kawasan sekolah. Selebihnya pelajar terdedah dengan pelbagai anasir luar dan ia bukan tanggungjawab sebelah pihak sahaja untuk membendung gejala ini,” katanya.



Kita bimbang dengan fenomena ponteng di kalangan pelajar sekolah ini apatah lagi kini menjadi semakin parah, seolah-olah mereka kian kreatif merancang agenda seharian mereka.

- Razis Adha Ismail